



Moh Poto!

KENYATAAN AKHBAR**Untuk Siaran Segera
24 November 2022****Minggu Saham Amanah Malaysia 2022 kembali,
menyambut ribuan warga Port Dickson**

MSAM edisi ke-21 kekal sebagai program celik kewangan berorientasikan keluarga, menyasarkan rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat

POR T DICKSON, 24 November 2022 – Selepas dua tahun Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) diadakan secara maya, Permodalan Nasional Berhad (PNB) sekali lagi menganjurkan program tahunannya MSAM, yang diadakan di Port Dickson, Negeri Sembilan dari 24 hingga 30 November 2022.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria telah merasmikan MSAM 2022 di Kawasan Lapang Pantai Batu 1, Port Dickson, Negeri Sembilan hari ini. Turut hadir di majlis perasmian ialah Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn dan kepimpinan kanan Rakan Korporat MSAM 2022, terdiri daripada Malayan Banking Berhad (Maybank), Sime Darby Plantation Berhad, UMW Holdings Berhad, S P Setia Berhad, Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, MNRB Holdings Berhad, Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (Perodua), Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Berhad (Prolintas) dan Duopharma Biotech Berhad. MSAM edisi ke-21 ini merupakan kali kedua ia dianjurkan di Negeri Sembilan di mana pada tahun 2005 ia telah dianjurkan di Seremban.

Bertemakan ‘Melestarikan Pelaburan ke Arah Masa Hadapan Mampan’, MSAM kali ini menerapkan pelbagai elemen ESG di mana infrastruktur MSAM 2022 turut digabungkan dengan ciri-ciri mesra alam seperti penggunaan panel solar, bumbung separa lutsinar, sistem takungan air hujan, tong kitar semula dan *vending machine* kitar semula.

Dalam ucapan beliau, Tun Arifin berkata, "Tema ini selaras dengan Rangka Kerja Kelestarian PNB yang telah dilancarkan pada April lalu, di mana kita berhasrat untuk memelihara dan menyokong kesinambungan keseimbangan antara manusia, planet dan keuntungan dengan menyesuaikan pendekatan perniagaan dengan persekitaran operasi. Hasrat ini adalah bagi memastikan peralihan yang teratur dan saksama ke arah masa depan yang lebih lestari dan berdaya tahan dalam jangka panjang."

Bersempena perasmian MSAM 2022 pada hari ini, PNB turut melancarkan satu tabung unit amanah harga berubah baharu iaitu ASN Sukuk. Dana baharu ini menyasarkan pelabur yang mempunyai tahap toleransi risiko yang konservatif. ASN Sukuk terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan pelaburan awal minimum RM10.

Menurut Tun Arifin, "Dana harga berubah baharu ini memberi tumpuan kepada pelaburan dalam pelbagai portfolio Sukuk (instrumen pendapatan Islam) yang mana 80% hingga 99% daripada Nilai Aset Bersih (NAV) dana tertumpu kepada aset kelas Sukuk termasuklah Terbitan Pelaburan Kerajaan."

MSAM 2022 kekal sebagai program berorientasikan keluarga, menyasarkan rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat dan peringkat umur. Antara program utama MSAM 2022 ialah Sembang-sembang ASNB, Jejak Pelabur Bijak, Jejak Pelabur Cilik, Pertandingan Kuiz Pelaburan PNB dan Labur Ria. Program yang berlangsung selama seminggu ini turut menampilkan syarikat-syarikat Strategik dan juga beberapa syarikat Teras PNB. Pengunjung dapat mempelajari bagaimana pulangan yang diperoleh menerusi pelaburan dalam syarikat-syarikat ini diagihkan semula kepada para pemegang unit dalam bentuk pengagihan pendapatan.

Setakat 30 Oktober 2022, aset di bawah pengurusan PNB telah mencapai lebih RM340 bilion, di mana lebih RM51 bilion adalah dana proprietari milik PNB, manakala RM289 billion adalah dana yang digembleng dari 16 unit amanah yang dimiliki oleh lebih 15.2 juta pemegang unit.

Tahun ini, pengunjung MSAM 2022 boleh menyertai peraduan cabutan bertuah, e-Peraduan Harian dan e-Peraduan Utama dan berpeluang memenangi hadiah bernilai hampir RM1 juta. Antara hadiahnya ialah sebuah kereta elektrik Hyundai Kona E-Lite,

sebuah kereta elektrik Toyota Corolla Cross Hybrid Electric, sebuah kereta Perodua Alza 1.5 AV, sebuah motosikal Yamaha MT-25, enam buah motosikal Yamaha 135 LC FI dan pelbagai hadiah menarik termasuk barang elektrik.

Para pengunjung boleh memuat turun dan menggunakan aplikasi mudah alih PNB Events untuk mendapatkan maklumat mengenai program harian dan aktiviti yang akan berlangsung sepanjang MSAM 2022. Aplikasi mudah alih ini boleh dimuat turun melalui *App Store (iOS)*, *Play Store (Android)* dan *Huawei App Gallery*.

MSAM telah berjaya menarik sejumlah lebih 3.9 juta pengunjung sejak penganjurannya, dengan purata 200,000 pengunjung setiap tahun. PNB menyasarkan seramai 150,000 pengunjung pada tahun ini. MSAM 2022 dibuka pada setiap hari dari 24 hingga 30 November dari 10 pagi hingga 10 malam.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

